

02/06/2004

PM berkuasa lantik individu: Muhyiddin

KUALA LUMPUR: Jawatan mana-mana individu dalam kerajaan adalah kuasa mutlak Perdana Menteri dan perlu diasingkan daripada pemilihan jawatan dalam parti.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, berkata individu yang kalah pada pemilihan parti juga berhak membuat keputusan sendiri sama ada mahu berundur daripada jawatan dalam kerajaan kerana ditolak parti atau sebaliknya.

"Kalau orang berkenaan kalah (pada pemilihan parti), terserah kepada budi bicara Perdana Menteri sama ada mahu terima atau tidak (terus memegang jawatan dalam kerajaan).

"Itu hak Perdana Menteri nak letak sesiapa sama ada dia menang jawatan parti atau tidak, kita kena asingkan pemilihan kuasa (parti) dengan dan kuasa Perdana Menteri.

"Saya pernah kalah (pada pemilihan parti) dan apabila saya berjumpa Perdana Menteri (ketika itu Tun Dr Mahathir Mohamad) menyatakan hasrat nak letak jawatan, dia kata tak payah," kata Muhyiddin yang juga Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani di Lobi Parlimen, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas pandangan Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Shahrir Samad, yang mencadangkan calon Umno yang menyandang jawatan dalam Kabinet dan bertanding untuk jawatan Naib Presiden perlu bersedia meletak jawatan jika kalah.

Seorang lagi Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, yang sudah menawarkan diri untuk mempertahankan jawatan itu berkata, walaupun cadangan berkenaan berasas, tetapi ia membawa lebih banyak kerugian.

Selama ini katanya, sesiapa saja boleh menawarkan diri untuk bertanding jawatan nombor tiga dalam parti itu dan mereka tidak pernah 'dihukum' kerana menawarkan diri tetapi akhirnya kalah.

Syarat yang seolah-olah menghukum penjawat jawatan dalam Kabinet yang kalah bertanding katanya, menyebabkan pertandingan bertambah sengit dan mendorong wujud unsur politik wang yang hebat.

Selain Muhammad dan Muhyiddin yang dijangka bertanding mempertahankan jawatan masing-masing, turut menyuarakan minat untuk bertanding jawatan itu setakat ini ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Ahli Parlimen Kota Baru, Datuk Zaid Ibrahim.

(END)